

25 MAR 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN SEMPENA HARI KEMERDEKAAN BANGLADESH

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Shahabuddin Ahmed sempena Hari Kemerdekaan Bangladesh hari ini.

Seri Paduka Baginda berdua yakin bahawa hubungan rapat dan persahabatan antara kedua-dua negara dan rakyat dapat diperkukuhkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina Wajed sambil berkata beliau gembira rakyat dari kedua-dua negara mendapat manfaat hasil kerjasama erat antara kedua-dua kerajaan.

Beliau melahirkan harapan bahawa Malaysia dan Bangladesh akan meneruskan kerjasama bagi memperkukuhkan lagi hubungan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Abdus Samad Azad. -- BERNAMA

MAM FAZ